

| | | | |
|-------------|---|------------|---------------|
| Headline | Selia-Tek mahu tembusi pasaran Asia Barat | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | Language | Malay |
| Date | 07 Jan 2017 | Readership | 563,000 |
| Circulation | 171,663 | Page No | 17 |
| Section | Ekonomi | Journalist | FADZIL ZAINOL |
| ArticleSize | 271 cm ² | | |
| PR Value | RM 16,215 | | |



Selia-Tek mahu tembusi pasaran Asia Barat

Oleh FADZIL ZAINOL

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 6 JAN.

PENGELUAR peralatan industri milik bumiputera, Selia-Tek Holdings Sdn. Bhd. (Selia-Tek) meletakkan sasaran nilai jualannya tahun ini sebanyak RM60 juta, dipacu perkembangan perniagaan peralatan perubatan pakai buangnya.

Pengarah Urusan Kumpulan Selia-Tek, Kasim Sotin berkata, syarikat itu kini merancang untuk meluaskan produk-produk perubatan pakai buangnya seperti jarum dan picagari serta bekas penyimpanan darah ke pasaran Asia Barat serta serantau.

Jelasnya, segmen peralatan perubatan kini menjadi nadi utama perniagaan Selia-Tek mengambil alih segmen kabel elektrik yang juga dikeluarkan oleh syarikat itu untuk dibekalkan kepada Tenaga Nasional Bhd. (TNB).

"Perniagaan peralatan kesihatan kini menjadi tumpuan kami memandangkan produk-produk perubatan syarikat memenuhi standard antarabangsa yang boleh diguna pakai di pelbagai negara. Lebih 60 peratus perniagaan kami telah disumbangkan



AHMAD MASLAN, Ahli Dewan Undangan Negeri Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah Bohan (dua dari kiri) dan Kasim Sotin (kiri) memeriksa proses suntikan plastik ketika membuat lawatan ke kilang Selia-Tek di Kota Damansara, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PEMBERITA : FADZIL (EKONOMI UTUSAN)

daripada segmen peralatan perubatan.

"Dalam masa terdekat, kami berusaha untuk menembusi pasaran Asia Barat dan negara-negara Islam lain," katanya kepada pemberita semasa lawatan kerja deh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ahmad Maslan ke kilang dan pejabat Selia-Tek dekat sini hari ini.

Selia-Tek ditubuhkan pada tahun 1990 yang menerima pel-

bagai insentif kerajaan termasuk melalui Program Pembangunan Vendor (PPV) TNB dan Pharnamiaga Bhd. sehingga membolehkan produk keluarannya dipasarkan ke United Kingdom, Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Kemboja.

Pada masa sama jelas Kasim, nilai eksport syarikat itu kini dianggarkan bernilai RM8 juta dan berharap nilai itu dapat ditingkatkan apabila dapat menembusi lebih banyak negara.